

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI

TARIKH : 8 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9362

SOALAN:

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah kes jenayah melibatkan senjata api sepanjang tahun 2016 dan adakah pihak Kementerian telah mengenalpasti faktor utama peningkatan kes jenayah berat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) amat peka tentang apa jua situasi keselamatan dan ketenteraman awam yang berlaku dalam negara khususnya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api. Umum mengetahui bahawa kebanyakan senjata api haram yang berada dalam negara dipercayai di seludup masuk ke negara.

Statistik kes pembunuhan, cubaan membunuh dan samun yang melibatkan penggunaan senjata api yang berlaku di seluruh negara bagi September 2016 adalah seperti berikut:-

STATISTIK KES JENAYAH MELIBATKAN SENJATA API TAHUN 2016 (JAN – SEPT)

KES JENAYAH	JUMLAH KES
BUNUH BERSENJATA API	24
CUBA BUNUH BERSENJATA API	27
SAMUN BERSENJATA API	31
JUMLAH	82

Hasil daripada soal siasat dan risikan yang dijalankan oleh pihak polis, faktor yang mendorong peningkatan kes menggunakan senjata api dan pemilikan senjata api haram oleh penjenayah adalah seperti berikut:-

- i) Kaedah penyeludupan senjata api telah berubah daripada penyeludupan secara lengkap kini dengan menyeludup secara "*pieces by pieces*" ke dalam negara ini dan dipasang semula dalam negara. Keadaan ini lebih menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan aktiviti berkenaan terutama senjata api bersaiz kecil seperti pistol dan *revolver* walaupun kita mempunyai kawalan yang ketat di pintu-pintu masuk dan kawasan di sempadan. Pihak polis perlu mendapatkan maklumat dan risikan yang tepat bagi mengesan senjata api berkenaan. Keadaan ini memudahkan senjata api di bawa masuk ke dalam negara;**

- ii) Terdapat senjata api haram yang terapung di dalam negara yang disembunyikan oleh penjenayah-penjenayah yang ditangkap di bawah Ordinan Darurat (EO) dahulu, atau yang telah bebas dari penjara telah digunakan semula oleh penjenayah berkenaan;**

- iii) Senjata api terpakai dari luar negara yang boleh dibeli dengan harga yang berpatutan meningkatkan keupayaan penjenayah membeli senjata api berkenaan. Di samping itu, aktiviti pengedaran dadah dalam kuantiti yang**

tertentu secara "pakej" akan diberikan senjata api atau bom tangan sebagai pelindung kepada sindiket; dan

- iv) Terdapatnya aktiviti pembunuh upahan dalam negara menyebabkan senjata api mendapat permintaan yang tinggi dan menarik minat sindiket menyeludup senjata api ke dalam negara.**

Kementerian telah mengambil langkah proaktif bagi memperketatkan kawalan di sempadan dengan menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dengan menggabungkan semua agensi penguatkuasa di sempadan seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bekas anggota Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) supaya tindakan pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih holistik dan bersepadu bagi mengekang ancaman dari anasir luar dan juga aktiviti penyeludupan termasuk senjata api.